

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Surat Kredit Eksport Pengesahan-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini. Dapatkan penjelasan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma amnya.

**BANK RAKYAT
SURAT KREDIT EKSPORT
PENGESEHAN-I (ELCC-i)**

Pakej: _____

Tarikh: _____

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Lanjutan dari perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada pelanggan/penjual/pengeksporth (benefisiari) untuk serahan Surat Kredit Eksport-i yang diterima daripada Bank koresponden setelah Surat Kredit-i/Surat Kredit itu disahkan kesahihannya, Bank mungkin diminta untuk memberi pengesahan akujanji kepada pelanggan/penjual/pengeksporth (benefisiari) berkaitan dengan pembayaran keatas Surat Kredit Eksport-i.
- Dengan pengesah akujanji ini, Bank akan dipertanggungjawabkan sebagaimana tanggungjawab yang ditanggung oleh Bank pengeluar Surat Kredit-i/Surat Kredit. Ini termasuklah kewajipan untuk membayar apabila dokumen-dokumen yang dikemukakan menepati sepenuhnya terma-terma di dalam Surat Kredit Eksport-i benefisiari mempunyai akujanji dari dua bank berbeza (bank pengeluar dan bank yang memberi pengesahan akujanji) untuk mendapatkan bayaran apabila dokumen-dokumen yang diserahkan mematuhi semua terma-terma yang dinyatakan di dalam Surat Kredit Eksport-i.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

ELCC-i adalah tertakluk kepada prinsip *Ijarah Khadamat* yang merujuk kepada bayaran ke atas sesuatu perkhidmatan yang disediakan.

3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

Pelanggan mungkin mempunyai kebimbangan mengenai kestabilan politik atau ekonomi negara pembeli, atau kekukuhan dan reputasi bank yang mengeluarkan surat kredit. Pertanggungjawaban pembayaran oleh bank yang dikenali akan memudahkan pengeksporth serta mengalakan penggunaan Surat Kredit Eksport-i/Surat Kredit Eksport. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, bidang kuasa undang-undang yang akan ditentukan mengikut lokasi bank yang mempertanggungkan pembayaran ini.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Pelanggan hendaklah membuat permohonan bagi mendapatkan persetujuan bank untuk memberi pengesahan akujanji terhadap Surat Kredit Eksport-i yang diperlukan.

5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Semua kos yang berkaitan dengan kemudahan pembiayaan ini akan ditanggung oleh pelanggan (tertakluk kepada terma dan syarat Surat Kredit Eksport-i (ELC-i)).

Jenis Fi/Caj	Kadar/Kos
Pengesahan	Kadar akan ditentukan oleh Perbankan Koresponden pihak Bank berdasarkan risiko bank dan negara
SWIFT	RM25
Perbelanjaan am (penghantaran)	Kos sebenar

Formula untuk komisen : $C = P (r \times n)$

C : Komisen yang perlu dibayar (sewaktu dikeluarkan dan/atau pindaan dilakukan)

P : Nilai LC-i/LC

r : Kadar Komisen (seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perbankan Koresponden Bank)

n : Tempoh LC-i/LC

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?		
Kehilangan kontrak dan peluang perniagaan.		
7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?		
Keperluan perlindungan takaful bergantung pada terma dan syarat ELC-i.		
8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?		
Kehilangan kontrak dan peluang perniagaan jika pelanggan gagal memenuhi tanggungjawab.		
9. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut? Sila layari www.bankrakyat.com.my	Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke: Jabatan Pembiayaan Perdagangan Level 28 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum) E-mel: trade@bankrakyat.com.my atau Bahagian Perbankan Perniagaan Level 26 Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-26129600 (talian umum)	Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi: Biro Pengaduan Awam Khidmat Pelanggan, Menara 1 Menara Kembar Bank Rakyat No. 33 Jalan Rakyat KL Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454 Laman Web: www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback atau Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato 'Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my
10. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan.		
<ul style="list-style-type: none"> • Surat Kredit-i • Surat Kredit Eksport-i • Pungutan Bil Import-i • Pungutan Bil Eksport-i • Pembiayaan Bil Eksport-i • Pembiayaan Bil Kredit Eksport-i • Pembiayaan Perdagangan <i>Tawarruq</i> • Pembiayaan Modal Kerja <i>Murabahah</i> • Jaminan Perkapalan-i • Jaminan Bank-i 		
NOTA PENTING: <ul style="list-style-type: none"> • TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP. • HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DIBACA, DIFAHAMI, DITERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN. • PRODUK INI TELAH MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA SHARIAH PADA 25^{hb} JUN 2015 • MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI SAH PADA ATAU SEHINGGA _____. 		